

'Faktor yang bawa kegagalan komunis'

LABIS, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, kekukuhan agama Islam dan kejayaan menyatupadukan orang-orang Melayu

untuk terus berjuang mencapai pembangunan adalah faktor utama kegagalan anasir komunis merampas kuasa di negara ini. Katanya, walaupun anasir antinasional

itu berusaha sejak zaman Ingeris, Jepun dan selepas merdeka, tetapi mereka gagal mencapai sebarang kejayaan kerana orang-orang Melayu dan kaum lain bersatu menentang komunis. Schubungan ini, Datuk

Musa mengingatkan masyarakat Islam mengenai betapa pentingnya mengkalakan perpaduan Islam kerana perpaduanlah benteng pertahanan. "Sekiranya perpaduan masyarakat Islam pecah, ini akan mewujudkan ketidakseimbangan

dan masalah politik serta menimbulkan berbagai isu yang akan menghin-dar pembangunan negara," katanya selepas menunaikan sembahyang tarawih di Masjid Jamek, Felda Redong, semalam.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya sentiasa berwaspada kerana anasir antinasional ini menggunakan berbagai cara untuk menghancurkan perpaduan Islam.

"Komunis tidak akan berhenti dari berusaha dan kita perhatikan sekarang anasir ini mula mempengaruhi generasi muda. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan kerana generasi muda hari ini adalah bakal pemimpin," katanya.

Datuk Musa yang menifatkan taktik komunis sekarang sebagai "menanam pokok berdurian dan akar beracun" mengingatkan rakyat bahawa mereka harus menyekatnya segera. Kalau tidak, "duri dan racun itu akan mematikan pokok-pokok lain yang subur."

Kepada peneroka-peneroka Felda, Datuk Musa, yang juga Ketua Umno Bahagian Labis, berharap mereka akan bersyukur dengan rahmat Allah kerana sudah banyak kemudahan diberi oleh kerajaan untuk kepentingan masa depan mereka.

Mengabaikan

Bellau berharap para peneroka sentiasa berusaha memajukan diri sendiri dengan mengambil sebarang peluang atau bantuan yang diberi.

"Sikap berpeluk tubuh dan mengabaikan masa yang terluang itu akan merugikan diri sendiri. Oleh itu, setiap peserta haruslah berusaha dengan titik peluh, fikiran yang tenteram serta beribadat," katanya.

Kepada peneroka baru yang belum dapat menikmati hasilnya, Datuk Musa memahitkan mereka supaya berusaha mendapatkan sumber-sumber pendapatan lain dengan cara berbakti kepada bumi yang subur.

"Semangat inisiatif yang kuat mesti ditanam mulai sekarang kerana kejayaan hasil usaha itu adalah pemberian, bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan pada anak-anak dan masyarakat," ujarnya.

Datuk Musa sebelum itu membuka puasa dengan ahli Umno Labis. Beliau juga melawat Ketua Wanita Umno Labis, Hajah Kintan binti Ibrahim yang sedang sakit di rumahnya di Kampung Sungai Gatung.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia